

06 OCT 1999

Ting-Pokok

KERAJAAN KHUATIR SASARAN MALAYSIA "NEGARA TAMAN" TIDAK TERCAPAI

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Matlamat negara untuk menanam tiga juta pokok sehingga akhir tahun depan tidak akan tercapai jika tiada usaha dijalankan bagi menyahut kempen itu yang bertujuan menjadikan Malaysia Negara Taman pada tahun 2005.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, walaupun kerajaan berpuas hati dengan jumlah 1.6 juta pokok yang ditanam pada tahun 1997 dan 1998, namun jumlah 220,794 pokok yang ditanam bagi enam bulan pertama tahun ini tidak memuaskan.

"Kalau tidak ada usaha khas mulai sekarang, saya khuatir sasaran untuk menanam tiga juta pokok dalam tahun 2000 tidak tercapai," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pada tahun pertama kempen itu dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mac 1997, sejumlah 575,572 pokok atau 76.74 peratus daripada sasaran 750,000 ditanam dalam tempoh sembilan bulan.

Katanya, pencapaian kempen itu tahun lepas begitu menggalakkan dengan pencapaian 149 peratus atau 1,117,652 pokok telah ditanam yang melebihi sasaran 750,000 setahun.

Katanya, Johor telah menanam 340,104 pokok iaitu melebihi sasaran 330,000 pokok pada tahun 1997 dan 1998 dan tujuh negeri lain telah menanam pokok melebihi 50 peratus daripada sasaran.

Sabah merupakan negeri yang peratusan penanaman pokoknya paling rendah iaitu 19 peratus sahaja, katanya.

Beliau berkata, Jabatan Lanskap Negara yang bertanggungjawab untuk memantau kempen berkenaan akan menghubungi negeri-negeri yang belum mencapai sasaran itu bagi memastikan usaha menanam lebih banyak pokok dapat dijalankan.

Katanya, penurunan jumlah pokok yang ditanam bagi tahun ini kemungkinan berikutan tumpuan utama kerajaan negeri melaksanakan usaha ke arah pemulihan ekonomi.

Beliau juga meminta sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memberikan kerjasama menjayakan kempen itu.

-- BERNAMA

RZS FAZ